



Seattle Office of Labor Standards  
**Domestic Workers Ordinance**  
 Notis Model Hak dan Maklumat Gaji 2023

Mereka yang menggaji atau membayar perkhidmatan pekerja domestik yang dilindungi oleh Ordinan Pekerja Domestik (Domestic Workers Ordinance) digalakkan untuk mengedarkan notis model ini kepada pekerja mereka, dalam bahasa yang paling selesa digunakan oleh pekerja. Notis ini tidak dicadangkan sebagai nasihat undang-undang dan tidak membuat kontrak dengan Bandar Seattle.

TARIKH NOTIS \_\_\_\_ / \_\_\_\_ / \_\_\_\_ NAMA PEKERJA \_\_\_\_\_

NAMA ENTITI PENGAMBILAN PEKERJA \_\_\_\_\_ NAMA TELEFON ATAU E-MEL ENTITI PENGAMBILAN PEKERJA \_\_\_\_\_

ALAMAT ENTITI PENGAMBILAN PEKERJA \_\_\_\_\_



## HAK UNTUK PAMPASAN MINIMUM

Anda mempunyai hak untuk mendapat sekurang-kurangnya gaji minimum Seattle.  
 Kadar gaji setiap jam anda ialah: \$ \_\_\_\_\_ / Jam.

Anda akan dibayar pada: \_\_\_\_\_  
 (iaitu, pada akhir setiap hari bekerja, setiap hari Jumaat, setiap 2 minggu pada hari Selasa, dll.)

### Kelayakan Kerja Masa Lebih: Semak di mana berkenaan

- Anda tidak layak bekerja lebih masa.
- Anda adalah pekerja "lebih masa yang layak", bermakna anda perlu dibayar sebanyak 1.5x kadar gaji biasa untuk jam bekerja lebih dari 40 dalam minggu kerja.

GAJI MINIMUM SETIAP JAM 2023	Pampasan Minimum	Jika pekerja menerima \$2.19/jam upah tambahan** atau manfaat perubatan yang disediakan majikan
Kebanyakan entiti pengambilan kerja	\$18.69/ setiap jam	\$16.50/ setiap jam
Majikan yang mempunyai 501+ pekerja	\$18.69/setiap jam	

\*\* Jika anda seorang pekerja, majikan anda perlu memberitahu anda maklumat tentang dasar upah tambahannya.

Semak jika dilampirkan



## HAK UNTUK MASA REHAT

Untuk setiap empat jam anda bekerja untuk satu entiti pengambilan pekerja, anda mempunyai hak untuk masa rehat berbayar, iaitu rehat 10 minit tanpa gangguan pada akhir jam ketiga kerja.

### Masa Rehat: Semak di mana berkenaan

- Anda akan dapat mengambil masa rehat berbayar tanpa gangguan.
- Anda akan dapat mengambil masa rehat semasa berada di tapak kerja dan dikehendaki kembali bekerja apabila dipanggil.  
 Jika anda bertanggungjawab untuk kesihatan dan keselamatan seseorang di bawah jagaan anda, anda mungkin terlepas masa rehat disebabkan oleh tugas anda. Pada masa tersebut, anda akan dibayar gaji tambahan 10 minit, atau \$ \_\_\_\_\_, untuk setiap masa rehat yang terlepas.
- Tugas anda menjadikannya mustahil atau tidak senang untuk berehat tanpa gangguan tanpa membahayakan kesihatan dan keselamatan mereka di bawah jagaan anda. Anda akan dibayar gaji tambahan 10 minit, atau \$ \_\_\_\_\_, untuk setiap empat jam bekerja.

### KEPERLUAN MASA REHAT:

- Waktu rehat ini membolehkan anda berehat dan membuat pilihan peribadi lain tentang cara untuk menghabiskan masa anda.
- Anda mungkin diminta untuk berada di tapak kerja dan kembali bekerja apabila dipanggil, tetapi sebaliknya dibebaskan daripada tugas kerja.
- Jika masa rehat anda terganggu oleh majikan atau tugas kerja anda, masa rehat dimulakan semula sehingga anda boleh berehat selama 10 minit berturut-turut.

\*Nota: Pekerja yang diambil bekerja secara langsung oleh entiti pengambilan pekerja mungkin berhak mendapat piawaian buruh tempatan dan negeri tambahan, termasuk Cuti Sakit Berbayar dan Masa Selamat. Maklumat lanjut mengenai hak pekerja boleh didapati di [www.seattle.gov/laborstandards](http://www.seattle.gov/laborstandards).



## HAK UNTUK TEMPOH MAKAN

Untuk setiap lima jam anda bekerja untuk sebuah entiti pengambilan pekerja, anda mempunyai hak untuk tempoh makan 30 minit tanpa gangguan pada akhir jam kelima.

### Waktu Makan: Semak di mana berkenaan

- Semasa tempoh makan anda, anda akan benar-benar bebas daripada tugas kerja. Anda akan menerima tempoh makan tidak berbayar. Anda boleh menyetepikan tempoh makan tidak berbayar. Lihat sisi kotak untuk keperluan penepian.
- Semasa tempoh makan anda, anda dikehendaki berada di tempat kerja dan kembali bekerja apabila dipanggil, tetapi sebaliknya dibebaskan daripada tugas kerja. Anda akan menerima tempoh makan berbayar. Anda tidak boleh menyetepikan tempoh makan berbayar ini.
- Anda bertanggungjawab untuk kesihatan dan keselamatan ahli isi rumah, tetapi boleh menerima tempoh makan berbayar. Pada hari-hari anda terlepas tempoh makan anda kerana tugas anda, anda perlu diberi pampasan tambahan 30 minit gaji, atau \$ \_\_\_\_\_, untuk setiap tempoh makan yang terlepas.
- Tugas anda menjadikannya mustahil atau tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh masa makan yang tidak terganggu tanpa membahayakan kesihatan dan keselamatan mereka yang berada di bawah jagaan anda. Anda akan dibayar gaji tambahan 30 minit, atau \$ \_\_\_\_\_, untuk setiap lima jam bekerja.



## HAK UNTUK HARI REHAT

Jika anda bekerja 6 hari berturut-turut, berada atau tidur di tempat kerja anda, anda berhak mendapat tempoh rehat 24 jam yang tidak berbayar.

- Apa-apa jumlah kerja dalam tempoh 24 jam dikira sebagai hari bekerja.
- Semasa tempoh rehat 24 jam ini, anda perlu dibebaskan sepenuhnya daripada tugas kerja, tidak perlu berada di tempat kerja, tidak juga dikehendaki kembali bekerja jika dipanggil.
- Anda boleh menyetepikan hari rehat. Lihat sisi kotak untuk keperluan penepian.



## HAK UNTUK MENYIMPAN DOKUMEN PERIBADI

Anda mempunyai hak untuk menyimpan dokumen asal dan barangan peribadi anda.



## LARANGAN TINDAKAN BALAS

Anda mempunyai hak untuk bebas daripada tindakan balas.

Adalah menyalahi undang-undang bagi entiti pengambilan pekerja untuk mengambil tindakan balas yang buruk. (cth. memberhentikan, menurunkan pangkat, dan membuat ancaman untuk melaporkan status imigresen) terhadap anda kerana melaksanakan hak yang dilindungi oleh Piawaian Buruh Seattle (Seattle Labor Standards).

### KEPERLUAN TEMPOH MAKAN:

- Tempoh makan ini mesti membolehkan anda berehat dan membuat pilihan peribadi lain tentang bagaimana anda menghabiskan masa anda.
- Jika tempoh makan anda terganggu oleh majikan atau tugas kerja anda, tempoh makan akan dimulakan semula sehingga anda boleh berehat selama 30 minit berturut-turut.

### PENGENEPIAN TEMPOH MAKAN ATAU HARI REHAT?

- Penepian ini mestilah secara sukarela dan untuk manfaat pekerja.
- Anda mesti dimaklumkan tentang hak-hak pengenejian anda dan akibat daripada pengenejian.
- Penepian anda hendaklah menunjukkan tarikh penepian itu berkuat kuasa.
- Anda mempunyai hak untuk membatalkan penepian ini pada bila-bila masa.

## SOALAN ATAU ADUAN?

Untuk bertanya soalan atau memfailkan aduan, hubungi: Pejabat Piawaian Buruh Seattle (Seattle Office of Labor Standards) di (206) 256-5297 atau lawati [www.seattle.gov/laborstandards](http://www.seattle.gov/laborstandards).

Perkhidmatan mereka adalah percuma. Mereka akan memberikan tafsiran bahasa percuma. Mereka tidak akan bertanya mengenai status imigresen anda.

## PERLINDUNGAN HAK SIVIL

Pekerja Domestik juga mempunyai hak untuk bebas daripada gangguan seksual, tindakan balas dan diskriminasi di bawah Undang-undang Amalan Pekerjaan Adil Seattle (Seattle's Fair Employment Practices Law).

Untuk mekmumat lanjut mengenai hak ini, sila hubungi: Pejabat Seattle untuk Hak Sivill (Seattle Office for Civil Rights) di (206) 684-4500 atau lawati [www.seattle.gov/civilrights](http://www.seattle.gov/civilrights).